



البحث السادس

**PENGHAYATAN ADAB AL-QADI  
MENURUT SYARI'AT ISLAM**

أدب القاضي في الشريعة الإسلامية

**oleh**

Md. Amin Haji Abdul Rahman al-Jarumi  
(Ph.D)

(Pensyarah Undang-undang Syariah, Kolej  
Universiti Insaniah)

الدكتور / محمد أمين حاج عبد الرحمن الجارومي

عميد كلية الشريعة

جامعة الإنسانية



# PENGHAYATAN ADAB AL-QADI MENURUT SYARI'AT ISLAM oleh:

**Md. Amin Haji Abdul Rahman al-Jarumi (Ph.D)**

(Pensyarah Undang-undang Syariah, Kolej Universiti Insaniah)

“Tidak sesuai (layak) seseorang itu menjadi hakim melainkan jika terdapat (pada dirinya) lima sifat: Tegas (*saliban*), tidak prejudis atau bias (*nazihan*), terpelihara (*afifan*), sabar/lembut hati (*haliman*) dan berpengetahuan (*aliman*) dengan apa yang ada sebelumnya daripada penghakiman dan sunnah-sunnah”. – Khalifah ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz.<sup>1</sup>

## Pendahuluan

Istilah ‘Penghayatan’ (*Ihya’ / reverting*) membawa maksud ‘menghidupkan semula’ sesuatu atau kembali beramal dengan sesuatu setelah ianya dipinggirkan. Sementara itu, istilah “*Adab*” di kalangan fuqahak Hanafi bermaksud: Pengetahuan mengenai sesuatu yang terkeluar darinya segala jenis kesalahan.<sup>2</sup> Ini bermakna jika dikaitkan “*Adab*” dengan seseorang, misalnya disebut “Orang Yang Beradab”, maka ia membawa maksud orang tersebut tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan atau mencacatkan nama baik (*muruah/morality*) dirinya. Di kalangan fuqahak Syafie “*Adab*” bermaksud sesuatu yang dituntut sama ada ia tergolong dalam perkara sunat atau wajib.<sup>3</sup> Ini bermakna, bagi golongan ini terdapat “*Adab*” yang digalakkan (*mustahab/desirable*) dan “*Adab*” yang dimestikan (*wajib/obligatory*).

Sementara itu, jika dikaitkan “*Adab*” dengan “*al-Qadi/Hakim*” menjadi “*Adab al-Qadi*” ia membawa maksud seseorang hakim yang mengenakan ke atas dirinya tanggungjawab dengan sesuatu yang disandarkan kepadanya oleh syarak dalam menegakkan keadilan, menghapuskan kezaliman dan meninggalkan daripada menyebelahi (kepada mana-mana pihak bertikai).<sup>4</sup>

Seseorang hakim yang menghayati “*Adab al-Qadi*” ialah yang patuh kepada tuntutan syarak secara mesti (*wajib*) dan mengindahkan dirinya dengan pelbagai tuntutan tidak wajib tetapi digalakkan (*mustahab*). Justeru, apabila dirujuk kepada penulisan-penulisan ulamak silam mengenai “*Adab al-Qadi*” atau “*Adab al-Qada*”, didapati penekanan yang diberikan bukan sekadar kepada persoalan-persoalan “Etika” yang lebih merupakan tuntutan pengindahan “*al-Tahsiniyyat*”



(Embellishments), tetapi juga merangkumi tuntutan yang perlu “*al-Hajiyyat*” (Necessaries), bahkan “*al-Daruriyyat*” (Essentials) yang perlu dan mesti dilaksanakan oleh seseorang hakim. Bahkan jika diteliti, meskipun pada kebiasaannya tajuk penulisan lebih ditumpukan kepada “*Adab*”, namun kandungannya lebih menjurus kepada tatacara dan akhlak seseorang hakim dalam amalannya.<sup>1</sup>

Seperkara lagi yang perlu ditekankan di sini, istilah “Etika” digunakan juga oleh sesetengah golongan untuk menggambarkan tentang “*Adab*”. Hakikatnya “Etika” adalah istilah asing yang berasal dari bahasa Greek “*Etikos*” yang bermaksud “moral”. Ia merujuk kepada persetujuan mengenai subjek moral, antaranya “Nicomachean Ethics” yang dihasilkan oleh Aristotle. Justeru, jika “Etika” dikaitkan dengan syariat, misalnya “Etika Qadi”, maka lebih wajar ia diberi istilah “*Adab al-Qadi*” (Adab Hakim Syarie) kerana ia lebih menjurus kepada persoalan akhlak dan sepertimana termaklum nilai-nilai akhlak dalam Islam bersifat “wahyawi” (*revealed*), sedangkan nilai-nilai “Etika” dan “Moral” lebih bersifat “manusiawi” dengan ciri-ciri relatifnya. Justeru, Ibn Muflih (faqih mazhab Hanbali) mendefinisikan “*Adab al-Qadi*” dengan “Ciri-ciri akhlak hakim yang dikehendaki dia berakhlak dengannya”.<sup>6</sup>

## **Penghayatan Adab al-Qadi Dan Hubungannya Dengan Profesion Kehakiman**

Profesion kehakiman merupakan suatu profesion yang begitu berprestij di samping begitu tinggi martabatnya. Justeru, para ulamak silam lebih memberi peringatan dan ancaman (*tarhib / to threaten*) daripada galakan dan ransangan (*targhib / incitation to desire*) bagi yang ingin menjawat profesion ini. Ini dilakukan agar orang yang dilantik dapat menjalankan dua fungsi utama kehakiman dengan sesempurna mungkin iaitu penguatkuasaan undang-undang di samping menegakkan keadilan.

Kemungkinan untuk menguatkuasakan undang-undang bukan sesuatu yang sukar kerana bantuan boleh didapati daripada pelbagai pihak. Namun persoalannya, apakah disebalik penguatkuasaan tersebut keadilan telah dapat ditegakkan?. Ini suatu persoalan yang harus difikirkan secara mendalam oleh pihak-pihak yang terlibat dalam bidang kehakiman. Sudah semestinya bagi pihak yang ingin merealisasikan dua fungsi ini memiliki



hati budi yang unggul dalam semua hubungannya, sama ada hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan dengan alam semesta. Justeru, pembicaraan mengenai penghayatan "*Adab al-Qadi*" boleh dilihat dalam tiga hubungan:

1. Penghayatan "*Adab al-Qadi*" dalam hubungan antara hakim dengan dirinya sendiri dan orang ramai.
2. Penghayatan "*Adab al-Qadi*" dalam hubungan antara hakim dengan pihak-pihak bertikai semasa peradilan dijalankan.
3. Penghayatan "*Adab al-Qadi*" dalam hubungan antara hakim dengan Majlis Pengadilan dan tempat tinggalnya.

### **Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Dirinya**

Meskipun hakim merupakan seorang anggota masyarakat, namun kedudukannya yang penting membuatkan dirinya terikat dengan beberapa adab yang perlu dipatuhi agar kehormatannya (dignity) tidak terjejas:

#### **1. Sifat-sifat Peribadi Hakim**

Secara umumnya para fuqahak menyatakan seseorang hakim itu secara peribadinya hendaklah mengikat dirinya dengan beberapa perkara berikut:<sup>7</sup>

- a. Dia hendaklah sentiasa mengubati dirinya (dari sifat-sifat tercela) dan bersungguh-sungguh memperbaiki hal keadaan dirinya dengan menjadikannya (penambahbaikan diri/*self enhancement*) suatu yang sentiasa menjadi perhitungan mindanya.



- b. Dia hendaklah meletakkan dirinya di atas landasan adab syarak, menjaga maruahnya, tinggi keazamannya (*himmah*/aspiration) dan sentiasa berwaspada agar tidak dicatitkan agama, maruah, akal dan menjatuhkan martabat profesion yang disandangnya. Ini memandangkan dia adalah orang yang layak diberi perhatian dan diteladani.

Justeru, dirinya tidak sebebaskan orang lain kerana 'mata-mata' tertumpu kepadanya dan 'jiwa-jiwa' sentiasa bersedia mengikut petunjuknya. Oleh itu, haruslah apabila dia memegang profesion ini sama ada dengan kehendaknya sendiri atau ditawarkan kepadanya atau diujinya terlebih dahulu dan kemudian ditawarkan kepadanya dia hendaklah berzuhud di dalam mendapatkan habuan yang paling ikhlas dan sunnah yang paling baik.

- c. Dia hendaklah sentiasa bermujahadah dan berusaha mencapai kebaikan dan membaikpulih manusia melalui cara 'menakutkan dengan ancaman' (*tarhib*) atau melalui saluran 'memberi ransangan' (*targhib*) serta menekankan mereka kepada hak dan kebenaran kerana Allah S.W.T. dengan segala kelebihan-Nya telah menjadikan baginya di dalam memegang profesion tersebut dan segala urusan mengenainya 'jalan keluar' dan Dia tidak menjadikannya untuk bermegah-megah dengan apa yang dimakan, dipakai dan tempat tinggal. Sebaliknya, jika ini yang berlaku, maka seseorang hakim samalah dengan apa yang disebut oleh Allah S.W.T. yang bermaksud:

*"Kamu telah habiskan nikmat-nikmat kesenangan kamu dalam kehidupan dunia kamu, dan kamu telah bersenang-senang menikmatinya, maka pada hari ini kamu dibalas dengan azab yang menghina kerana kamu berlaku sombong dan takabur di muka bumi dengan tidak berdasarkan alasan yang benar dan kerana kamu sentiasa berlaku fasik".<sup>8</sup>*

- c. Dia hendaklah berusaha bersungguh-sungguh menampakkan kehebatan penampilan dirinya dan ketara kemuliaannya, merendah diri dalam gerakannya dan diamnya, elok percakapannya dan begitu juga semasa dia tidak bercakap, menjauhkan dalam tuturkatanya sesuatu yang lebih-lebih dan tiada keperluannya (*fudul al-kalam*), seolah-olah dia hendaklah menghitung setiap



patah apa yang diucapkannya kerana segala ucapannya akan diingati dan kesalahannya akan diambil perhatian.

- d. Hendaklah dia mendedikitkan semasa berbicara menggunakan isyarat tangan atau memalingkan mukanya kerana itu adalah perbuatan yang tidak beradab.
- f. Hendaklah ketawanya sekadar senyuman, pandangannya sekadar firasat (*insight*) dan petanda, diam dirinya sebagai kefahaman (ambil maklum).
- g. Hendaklah dia sentiasa memakai pakaian yang baik sesuai dengan dirinya kerana itu lebih hormat pada haknya dan lebih cantik pada rupa dirinya dan lebih wajar ke atas kelebihan akalinya. Sedangkan menyalahinya merupakan suatu penurunan (martabatnya).
- h. Hendaklah dia sentiasa berkelakuan baik, tenang dan merendah diri sehingga segala aspirasi beralih kepadanya dan mencetuskan dalam diri pihak-pihak bertikai keberanian tanpa sifat takabur dan *ta'ajjub* (self-conceit) yang kalau dizahirkan merupakan suatu yang keji dalam akhlak orang-orang mukmin.

## 2. Pakaian Rasmi Hakim:

Mengikut sejarahnya, mengenai pakaian rasmi (*attire*) hakim, didapati tidak terdapat sebelum *Qadi al-Qudat*<sup>9</sup> (Ketua Hakim) Abu Yusuf pakaian rasmi yang khusus dipakai oleh para hakim, melainkan apa yang biasa dipakai oleh orang ramai. Pada zaman Abu Yusuf dilantik menjadi *Qadi al-Qudat* sahaja mula diperkenalkan pakaian rasmi. Namun begitu, tidak dapat dipastikan sama ada pakaian yang dipakai oleh Abu Yusuf itu diilhamkan oleh dirinya sendiri, atau ambilan dan peniruan dari Parsi atau Rom. Sehubungan dengan ini Ibn Khalakan ada menyatakan:

*Dan dikatakan beliaulah (Abu Yusuf) orang yang pertama menukarkan pakaian ulamak (dirujuk secara khusus kepada hakim atau para ilmuwan secara umumnya) kepada bentuk sebegini pada zaman itu. Sedangkan pakaian orang ramai sebelum itu tidak berbeza antara satu dengan lain.*<sup>10</sup>



Sementara itu, tentang rupabentuk pakaian rasmi hakim tidak dapat dikenalpasti, melainkan melalui beberapa catatan yang dibuat oleh para sejarawan peradilan Islam. Antaranya Waqi' apabila meriwayatkan mengenai Abu al-Bukhturi Wahb ibn Wahb menyatakan seperti berikut:

*Aku berdiri di depan pintu istana Khalifah Harun al-Rashid dan di sampingku Hakim Abu al-Bukhturi. Maka keluarlah khadam Khalifah dan berkata, "Abu al-Bukhturi ada?". Jawab Abu al-Bukhturi, "Ya! Sayakah orangnya yang dicari". Berkata khadam itu, "Amir al-Mukminin telah memerintahkan kamu menyerahkan kepadanya tuwailahmu (penutup kepala yang tinggi dan panjang)". Khadam itu mengambilnya dan dipersembahkan kepada khalifah dan kemudiannya dibawa keluar semula setelah dipotong sebesar empat jari dan khadam itu berkata kepada Abu al-Bukhturi, "Amir al-Mukimin telah berkata, jangan kamu memakai pakaian yang terlampau panjang".<sup>11</sup>*

Mengenai pakaian 'Tuwailah' ini dikisahkan dalam 'Kitab al-Taj' oleh al-Jahiz bahawa Hajjaj ibn Yusuf jika beliau memakai di kepalanya 'Tuwailah' ini, maka tiada sesiapa pun yang berani memakai pakaian yang serupa dengannya.<sup>12</sup>

Waqi' juga apabila berbicara mengenai Hasan al-Basri (yang lebih dahulu zamannya daripada Abu Yusuf) menyatakan seperti berikut:

*"Aku melihat Hasan semasa dia sedang mengadili orang ramai pada zaman Khalifah 'Umar ibn Abdul Aziz di laman rumah Bani Sulaim dengan memakai serban hitam, ekornya dilepaskan kadar sejengkal ke bahagian belakangnya...".<sup>13</sup>*



Sementara itu di Andalus (Spanyol), al-Khushni apabila berbicara mengenai para Hakim Qurtubah (Cordova) antara lain menyatakan seperti berikut:

*“Bahawa Hakim Said ibn Sulaiman al-Ghafiqi apabila mengadili di masjid, beliau memakai jubah daripada bulu kambing yang putih warnanya, memakai penutup kepala yang juga berwarna putih dan pakaian lapisan kedua yang juga berwarna putih.”<sup>14</sup>*

Namun begitu, terdapat juga para hakim yang tidak menukarkan rupabentuk pakaian mereka selepas mereka menjadi hakim. Misalnya Ibn Tulun dalam kitabnya *Qudat Dimishq* mengenai Hakim Jamal al-Din al-Mawardi menyatakan seperti berikut:

*“Bahawa beliau (Hakim Jamal al-Din) tidak menukar bentuk pakaiannya.”<sup>15</sup>*

Sementara itu, al-Mawardi pula apabila membicarakan mengenai pakaian rasmi Hakim ini dengan lebih detail menyatakan seperti berikut:

*“Mengenai pakaian, maka hendaklah yang paling bersih, dari jenis yang paling baik dan hendaklah disempurnakan lebih daripada pakaiannya yang biasa dengan dipakai penutup kepala (kuffiyah), serban hitam dan ‘taylasan’ juga hitam warnanya. Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah memakai serban hitam semasa memasuki Makkah pada tahun pembukaan Makkah (‘Am al-Fath) yang membezakan diri baginda daripada orang lain. Hendaklah hakim itu bersih tubuh badannya, memotong (atau menyikat) rambutnya, mengetip kukunya dan menghilangkan bau busuk badannya. Hendaklah beliau menggunakan haruman yang tidak nampak warnanya, tetapi begitu terasa bau harumnya, melainkan pada hari beliau mengadili pertikaian di kalangan para wanita*





*maka tidak boleh beliau memakai bau-bauan yang boleh menimbulkan fitnah (tarikan)”.<sup>16</sup>*

### 3. Kenderaan Yang Dinaiki

Mengenai kenderaan yang dinaikki oleh hakim, pada zaman dahulu kebanyakan hakim menunggang '*bighal*' yang gagah dan kadangkala dihiasi pula dengan hiasan emas dan perak. Ada yang menunggang kaldai. Ada pula yang menunggang tunggangan yang biasa digunakan sebelum dilantik menjadi hakim (seperti kuda dan unta). Ada juga yang ada pembantu yang menaikannya ke atas tunggangannya dan mengiringinya dalam perjalanan.<sup>17</sup> Mengenai kenderaan hakim ini dalam konteks masakini pemerintah hendaklah menyediakan kenderaan yang sesuai dengan kedudukan para hakim sama dengan peruntukan yang diberikan kepada para pegawai eksekutif lain dalam kerajaan yang sama tarafnya.

Dalam menaikki kenderaan ini, hakim tidak seharusnya membenarkan orang lain menumpang kenderaannya, melainkan terdapat keperluan terdesak ataupun untuk membuat siasatan atau pengenalpastian (*al-mu'ayanah*). Misalnya, untuk melihat sendiri 'exhibits' atau harta tidak alih (*immovable property/'aqar*) yang sudah lama dipertikaikan dan tiada jalan lain melainkan terpaksa dibuat pengenalpastian oleh hakim. Maka dikala itu bolehlah ada orang lain yang menumpang kenderaannya.<sup>18</sup>

### Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Orang Ramai

Seseorang hakim dalam hubungannya dengan orang ramai hendaklah mematuhi adab-adab berikut:

1. Tidak boleh menerima hadiah daripada mana-mana pihak bertikai kerana dibimbangi berlakunya tohmahan.<sup>19</sup> Sementara pihak yang tiada kaitan dengan dengan pertikaian (misalnya keluarga atau sahabat karib seperti bapa, anak, bapa saudara, anak saudara dan seumpamanya), sedangkan sudah menjadi kebiasaan mereka memberi hadiah sebelum



sesuatu pengadilan, maka ia diharuskan,<sup>20</sup> namun lebih baik ia ditinggalkan (tidak menerimanya).

Sebaliknya jika perkara itu tidak menjadi kebiasaan, maka tidak harus baginya menerimanya. Ini disebabkan ulamak ada menyatakan:

*“Hadiah memadamkan cahaya hikmah”.*

Dan Rabi’ah ada berkata:

*“Jauhkanlah dirimu dari hadiah kerana ia merupakan jalan untuk rasuah”.*

Di dalam sejarah perundangan Islam dikisahkan bagaimana Khalifah ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz menolak hadiah yang diberikan kepadanya. Apabila orang ramai bertanya kenapa dia tidak mahu menerimanya, sedangkan Rasulullah S.A.W. sendiri menerima hadiah. Jawabnya:

*“Pemberian bagi Rasulullah S.A.W. adalah sebagai hadiah, sedangkan bagi kita merupakan rasuah. Nabi itu ma’sum (sacrosanct) dan pihak yang memberi hadiah ingin mendekati baginda disebabkan sifat kenabiannya, sedangkan para hakim didekati disebabkan kekuasaannya (sebagai hakim)”.*<sup>21</sup>

Jika diterima juga, maka hendaklah digantikannya (dipulangkannya) atau dimasukkan ke dalam *Baitulmal*. Namun, lebih baik bagi seseorang hakim menutup pintu daripada menerima hadiah daripada sesiapa sahaja (sebagai melaksanakan kaedah *Sadd al-Dharai’*).<sup>22</sup> Iaitu mengenyepikan sesuatu tindakan yang harus bagi menjauhkan dari sesuatu tindakan lain yang dilarang.

Ini bermakna, selain dari hadiah, hakim juga lebih-lebih lagi tidak boleh menerima rasuah. Ini didasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W. dari Ummu Salamah r.a. yang menyatakan bahawa:



*“Rasulullah S.A.W. melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang meminta rasuah dalam pengadilan”.*<sup>23</sup>

2. Mengenai habuan (gaji) pula, jika sesiapa yang dilantik memegang jawatan hakim sedangkan dia tidak memerlukan kepadanya, maka dia ditegah mengambilnya. Namun, jika dia memerlukannya maka haruslah diambil dari *Baitulmal* dari saham *al-Khumus* (bahagian satu perlima yang diberikan kepada pemerintah dari harta rampasan perang) atau dari *Jizyah* (cukai kepala yang dikenakan ke atas penduduk *Ahl al-Dhimmah*) atau dari *‘Ushur* (cukai perniagaan *Ahl al-Harb* dan *Ahl al-Dhimmah* apabila mereka memasuki negara Islam).<sup>24</sup>

Namun begitu, dilarang diberi habuan yang berlebihan kepada seseorang hakim. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W. dari ‘Aishah r.a. yang menyatakan bahawa dia mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

*“Mana-mana pekerja yang ditambah pada kerjanya habuan yang lebih dari rezekinya (gajinya) yang telah ditentukan, maka dia melakukan suatu pengkhianatan”.*<sup>25</sup>

3. Tidak boleh beri'tikaf semasa menjalankan tugas kerana pengadilan tidak boleh dibuat semasa hakim beri'tikaf.<sup>26</sup> Tambahan pula i'tikaf hukumnya sunat sedangkan melaksanakan pengadilan hukumnya fardu kifayah. Justeru, apabila bertembung antara tuntutan fardu dengan sunat, maka tuntutan fardu hendaklah didahulukan. Selain dari itu, beri'tikaf adalah untuk kepentingan peribadi, sedangkan pengadilan merupakan untuk kepentingan umum.
4. Tidak boleh menghadiri *walimah* (kenduri) yang tertutup (10 orang ke bawah)<sup>27</sup> kerana ia boleh membawa kepada tohmahan cenderung kepada pihak tertentu, melainkan jemputan *walimah* yang dibuat oleh kaum keluarga terdekat.<sup>28</sup> Tetapi *walimah* umum (lebih daripada 10 orang) seperti *walimah nikah*, digalakkan hakim menghadirinya.



Namun, jika *walimah* itu terlalu banyak dan ini menyebabkan tergendalanya pengadilan, maka hendaklah diketepikan semuanya sekali.<sup>29</sup>

5. Menjauhkan diri daripada berhutang dan meminjam (wang atau harta) dari pihak-pihak bertikai atau daripada kalangan yang ada hubungan dengan mereka, melainkan jika tidak dapat dielakkan.<sup>30</sup> Ini bermakna, jika ianya tidak dapat dielakkan, maka kaedah '*al-darurat tubuihu al-mahzurat*' (keadaan darurat mengharuskan tegahan) bolehlah digunapakai. Namun, perlu ditegaskan di sini kaedah darurat ini boleh digunapakai sekadar keperluannya sahaja (*al-darurah tuqaddar bi qadariha*).
6. Hakim digalakkan menziarahi orang yang sakit dan mengiringi jenazah serta menyambut orang yang baru pulang daripada merantau kerana ia merupakan *qurbah* (amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.) yang digalakkan. Ini boleh dilakukan, memandangkan Rasulullah S.A.W. biasa menziarahi Sa'ad ibn Waqqas, Jabir ibn 'Abdullah, bahkan seorang budak lelaki Yahudi sehingga akhirnya budak tersebut memeluk agama Islam.<sup>31</sup>

Ini bermakna, harus bagi hakim dalam menziarahi orang sakit atau orang yang meninggal mengkhusus atau mengumumkan dan berbeza dengan menghadiri *walimah* yang hanya dibolehkan dalam keadaan umum sahaja. Ini disebabkan *walimah* adalah merupakan di antara hak-hak orang yang menjemput, maka semua orang sama saja dalam memenuhi hak tersebut. Sedangkan menziarahi pesakit atau orang yang meninggal adalah merupakan haknya kerana dia (penziarah) mengharapkan pahala. Tambahan pula Rasulullah S.A.W. ada bersabda yang bermaksud:

*"Penziarah orang yang sakit berada di sebuah taman daripada taman-taman syurga sehinggalah dia pulang."*<sup>32</sup>

Namun begitu, mengikut Ibn Abi al-Damm, para fuqahak tidak dapat memberi kata putus mengenai adakah digalakkan bagi hakim menziarahi pihak-pihak bertikai jika mereka jatuh sakit atau mengiringi jenazah jika mereka meninggal.<sup>33</sup>



7. Tidak dibolehkan hakim terlibat dengan urusan perniagaan, khususnya dalam majlis pengadilan kerana tidak wajar baginya mencampuradukkan antara urusan pengadilan dengan perniagaan. Sebaliknya, hakim dibenar mewakili orang lain untuk urusan perniagaan. Begitu juga, tidak dibolehkan hakim ikut serta dalam hiruk pikuk di tempat-tempat berdagang (pasar-pasar), bahkan berada di lokasi-lokasi yang tidak layak bagi seseorang ulamak atau pemerintah berada di situ.<sup>34</sup>
  
8. Tidak harus bagi hakim menjadikan mana-mana pihak bertikai sebagai tetamunya atau hakim menjadi tamu salah seorang daripada mereka. Dalam konteks ini, Abu al-Qasim al-Dariki menyatakan seperti berikut:

*“Ini jika rumah pihak bertikai itu jauh, tetapi jika mereka berjiran dengan hakim, maka harus bagi hakim menjemput mereka kerana perbuatan itu menyempurnakan hak kejiranan dan kekerabatan serta tiada tohmahan.”*<sup>35</sup>

Pendapat ini disanggah oleh ulamak mutakhir, antaranya Dr. Mustafa al-Zuhayli yang menyatakan seperti berikut:

*“Tohmahan lebih kuat kepada jiran dan saudara mara daripada orang yang berjauhan kerana semakin hampir seseorang itu, maka semakin kasihan belas dan sayangnya juga berlebihan. Inilah hikmah pengadilan tidak dibenarkan bagi orang yang ada hubungan kekerabatan dengan hakim sama ada usul (roots) atau furu’ (descendants), bahkan kesaksian mereka tidak boleh diterima.”*<sup>36</sup>

Mungkin al-Zuhayli membuat kenyataan ini berdasarkan kepada kaedah fiqah *‘Yutahammalu al-darar al-khas li daf’i al-darar al-‘am’* yang bermaksud, ‘Ditanggung kemudaratan yang khusus bagi menolak kemudaratan yang umum’. Ini memandangkan tindakan



hakim tidak menyempurnakan hak kejiranan terhadap jirannya (yang juga merupakan pihak bertikai) kemudaratannya lebih bersifat personal, sedangkan tidak melaksanakan keadilan kemudaratannya lebih bersifat umum.

9. Hendaklah hakim menjauhkan diri daripada memasuki 'Tempat Mandi Awam', jika dibimbangi orang akan melihat auratnya kerana tempat begini boleh menimbulkan tohmahan, lebih-lebih lagi apabila dia bersama-sama orang awam. Imam Malik menyatakan:

*“Demi Allah! Memasuki tempat mandi awam (bagi Hakim) bukan-lah suatu perbuatan yang betul kerana membawa kepada percampuran dengan orang ramai yang boleh menjejaskan haibah (dignity) dan menjatuhkan maruahnyanya. Tetapi kalau dia masuk tanpa ada orang lain itu dibenarkan.”<sup>37</sup>*

10. Hendaklah hakim menjauhkan diri daripada bergaul dengan golongan yang jahat (*bitanat al-su'*) yang ada kepentingan kerana pada kebiasaannya para hakim akan didatangi oleh golongan ini. Apabila mereka diuji dengan ujian ini, maka hendaklah mereka perihatin dan mengenalpasti golongan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.<sup>38</sup> Sebaliknya, hakim hendaklah sentiasa mendampingi ahli agama, orang yang amanah, orang yang adil dan bersih (tiada tohmahan) untuk membantunya dalam menjalankan urusan pengadilan.<sup>39</sup>
11. Hendaklah dipilih untuk berkhidmat dengan hakim seorang penulis (*al-katib*) yang akan mencatat prosiding mahkamah yang memiliki sifat-sifat adil, berakal, dapat berfikir dengan baik dan terpelihara (*'iffah* (decent), sopan dan tertib) walaupun tidak mengetahui hukum syarak (kalau mengetahui adalah lebih baik). Namun, dia dikehendakki mengetahui ilmu penulisan. Jika penulis tersebut terdiri daripada orang yang tidak dapat dipercayai (*bukan ahl al-thiqah*), maka hakim hendaklah meneliti semula semua apa-apa catatan yang dibuatnya.<sup>40</sup>



12. Hendaklah hakim melantik seorang penterjemah yang disyaratkan mestilah adil dan baik sebaik mungkin. Sehubungan dengan ini, Imam Malik menyatakan seperti berikut:

*“Jika terdapat pihak bertikai tidak boleh bertutur dan tidak memahami bahasa ‘Arab, maka hendaklah diterjemahkan kepadanya oleh seorang muslim yang dipercayai lagi amanah. Jika dua orang dilantik sebagai penterjemah adalah lebih baik, bahkan diharuskan seorang wanita dilantik sebagai penterjemah jika ketiadaan kaum lelaki.”<sup>41</sup>*

13. Hendaklah hakim mendampingi ahli agama, orang yang amanah, adil serta bersih bagi membantunya dan mengukuhkannya dalam perkara-perkara yang boleh dibuat ganti diri dan untuk meringankan bebannya seperti meneliti kes-kes harta-harta *wasiyyah*, *wakf*, *qismah*, harta benda anak-anak yatim dan lain-lain.<sup>42</sup>

14. Hendaklah hakim melantik orang yang boleh menilai kredibiliti saksi-saksi (*tazkiyyat al-syuhud*). Untuk tujuan ini dua orang hendaklah dilantik, namun jika terdapat seorang yang *salih* dan amanah sudah memadai.<sup>43</sup>

15. Tidak harus orang ramai terlalu kerap keluar masuk menemui hakim atau berkerumun di sekelilingnya, khususnya bagi golongan yang sebelum pengadilan tiada sebarang keperluan, melainkan orang-orang yang dikenali dengan amanah dan dapat memberi nasihat serta ada kelebihannya kepada hakim. Justeru ada ulamak yang menyatakan:

*“Sesiapa yang berulang alik menemui hakim lebih daripada tiga kali, tanpa sebarang keperluan akan membawa kepada kecacatan kredibilitinya (‘adalahnya/honesty).”<sup>44</sup>*



16. Tidak harus bagi hakim membuka telinganya untuk mendengar kata-kata seseorang ke atas orang lain kerana dengan itu dia membuka ruang kejahatan dan merosakkan kepercayaan orang kepadanya sebagai orang yang memiliki kelebihan dan bersih pula dari tohmahan.<sup>45</sup>
17. Hakim hendaklah melantik seseorang yang boleh memberi maklum balas mengenai dirinya, penghakimannya, akhlak, perjalanan hidupnya dan saksi-saksi. Jika ia dimaklumkan dengan sesuatu (mengenai dirinya), maka hendaklah diperiksa dan diambil tindakan perlu kerana ia merupakan suatu kekuatan kepadanya.<sup>46</sup>

### **Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Pihak-pihak Bertikai<sup>47</sup>**

1. Hakim tidak boleh mengadili sehingga dia memahami betul-betul kes yang dihadapkan kepadanya. Jika dia sekadar ragu-ragu bahawa dia memahaminya, maka tidak harus dia mengadilinya.
2. Hakim tidak boleh mengadili dalam keadaan marah. Dia hendaklah menyamatarakan di antara pihak-pihak bertikai dalam memandang kepada mereka, tempat duduk mereka dan memberi isyarat kepada mereka dan dia tidak boleh mengangkat suaranya ke atas mana-mana pihak bertikai melebihi pihak yang lain.
3. Jika kes yang dibicarakan itu terdapat kemusykilan, maka hendaklah hakim mendedahkan hakikatnya dan meminta bantuan (dari para ulamak) untuk sampai kepada kebenaran.
4. Imam Malik menyatakan, hakim tidak boleh memberi fatwa pada kes yang sedang dibicarakan, namun dalam perkara-perkara lain dia boleh memberi fatwa.
5. Menghadirkan orang-orang yang adil dalam majlis peradilannya. Al-Manziri menyatakan hakim disuruh melakukan sedemikian kerana





hakim tidak dibolehkan menghukum berdasarkan kepada pengetahuannya sahaja.

6. Jika kes yang dibicarakan mendatangkan kemusykilan kepada hakim, maka hendaklah dia meninggalkannya buat sementara (minta tangguh) dan Sahnun menyatakan tiada halangan bagi hakim untuk meminta pihak-pihak bertikai bersuluh (dalam kes-kes yang diharuskan suluh). Ibn Abdul Salam menyatakan jika hakim mendapati sesuatu kemusykilan dari kenyataan pihak-pihak bertikai dan sukar baginya mendapat gambaran sebenar, maka hendaklah diarahkan supaya kedua-dua mereka mengulanginya sehingga difahami apa yang dinyatakan itu.
7. Jika pertikaian meleret-leret dan berlaku pertengkaran, maka tidak salah bagi hakim mengoyak kertas-kertas catatan mahkamah jika dia mengharapkan pihak-pihak bertikai boleh berusaha mendekati kes mereka (kepada hak dan kebenaran) dan Imam Malik menganggap itu adalah suatu tindakan yang terbaik.

Sementara itu, dalam Risalah 'Umar ibn al-Khattab kepada Abu Musa al-'Asy'ari<sup>as</sup> (yang dilantik oleh 'Umar menjadi Hakim di Basrah dan Kufah) terdapat beberapa peruntukan mengenai *Adab al-Qadi* seperti berikut:

1. Hakim hendaklah menghadirkan kefahamannya dan mengosongkan pemikiran-nya (hanya untuk menumpukan perhatian kepada kes yang sedang dibicarakan) jika pihak-pihak bertikai membawa kes tersebut ke muka pengadilan dan setiap pihak telah mengemukakan keterangan dan hujah mereka untuk didengar oleh Hakim, maka hakim hendaklah membuat penghakiman secara hak dan benar. Ini bermakna, jika hakim tidak memberi tumpuan, maka sudah pasti meskipun pihak-pihak bertikai bercakap benar, namun keputusannya tidak boleh hendak dilaksanakan.



Kefahaman yang dimaksudkan di sini:

- a. Kefahaman tentang kejadian (kes) dan kesimpulan pengetahuan yang hakiki dari apa yang didapati daripada petanda-petanda (*qara'in*) dan petunjuk-petunjuk (*al-amarat wa al-'alamat*).
- b. Kefahaman tentang hukum Allah S.W.T. yang dihukum dengannya di dalam al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah S.A.W. terhadap kejadian yang berlaku kemudian dilaksanakannya.

Sesiapa (dari kalangan hakim) yang berusaha bersungguh-sungguh dalam perkara ini, maka tidak akan dinafikan darinya dua balasan (pahala) atau satu balasan sekurang-kurangnya. Orang yang berilmu ialah yang dapat sampai - dengan pengetahuannya mengenai kejadian dan mendalaminya - kepada mengetahui hukum Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Contohnya: Saksi bagi pihak Nabi Yusuf a.s. yang menyatakan jika baju Yusuf koyak dari belakang, maka dia tidak bersalah dan dia bercakap benar.<sup>49</sup> Begitu juga kesimpulan yang dibuat oleh Nabi Sulaiman a.s. apabila dia menyatakan, "Bawa kepada-ku sebilah pisau sehingga aku dapat membahagi dua kanak-kanak ini kepada kamu berdua"<sup>50</sup> untuk diketahui siapakah ibunya yang sebenar.

2. Hakim hendaklah menyamatarakan antara kedua-dua pihak yang bertikai daripada segi melihat dan memalingkan muka kepada mereka. Ini disebabkan, jika lebih tumpuan diberikan oleh hakim kepada mana-mana pihak, maka akibatnya ia akan membuat hati mana-mana pihak menjadi lemah (untuk mempertahankan atau membantah kes). Begitu juga hakim hendaklah menyamatarakan pada letak duduk pihak-pihak bertikai dalam majlis pengadilan. Ini semua dilakukan agar orang mulia (berkedudukan, kaya dan berpengaruh) tidak akan berasa tamak (kerana lebih perhatian diberikan kepadanya) dan tidak pula orang daif akan terasa kecewa dengan keadilan hakim.
3. Hakim hendaklah merujuk semula kepada kebenaran dan hak kerana ianya sesuatu yang kekal dan lebih baik daripada berterusan dalam kebatilan (*al-ruju' ila al-haq khayrun mi al-tamadi fi al-batil*). Ini disebabkan 'Umar ibn al-Khattab sendiri biasa menyanggah beberapa



keputusan yang dibuatnya sendiri (mengikut ijtihadnya) apabila didapati nass (dari al-Qur'an atau al-Sunnah) yang bercanggah dengan keputusan tersebut.

4. Hakim hendaklah memahami betul-betul apa yang menimbulkan keraguan dalam diri dan yang berkecamuk dalam dadanya, agar pengadilan dibuat dengan penuh perhatian (*basirah*), tanpa keraguan dan gangguan.
5. Hakim hendaklah membuat bandingan (*qiyas*) dalam penghakiman dan menetapkannya kepada sesuatu yang dirasakan paling hampir dengan kehendak Allah S.W.T. dan hampir sekali dengan hak dan kebenaran.
6. Hakim hendaklah menjauhi dari perasaan marah, gusar, meluat, menyakitkan hati orang dan buat-buat kurang faham dalam sesuatu pertikaian yang diadilinya.

### **Penghayatan Adab al-Qadi Berkaitan Dengan Majlis Pengadilan Dan Tempat Tinggalnya<sup>s1</sup>**

1. Jika majlis pengadilannya itu di masjid,<sup>s2</sup> maka hendaklah hakim duduk dengan mengadap kiblat.
2. Hendaklah tempat tinggal hakim berada di tengah-tengah bandar dilokasi yang tidak menyukarkan orang ramai mendatangnya. Ini jika rumahnya dijadikan mahkamah.
3. Janganlah hakim menjalankan pengadilan dalam keadaan lapar, terlalu kenyang, marah atau gelisah kerana kemarahan lebih cepat berlaku dengan wujudnya keadaan lapar, kefahaman akan terpadam dengan keadaan terlalu kenyang dan hati akan berkecamuk dengan wujudnya kegelisahan.



4. Hendaklah hakim menentukan masa tertentu untuk majlis pengadilan yang tidak memudaratkan orang ramai dalam urusan-urusan mereka. Dalam konteks ini Imam Malik menyatakan:

*“Hendaklah hakim menjalankan pengadilannya dalam jam-jam tertentu dalam sehari kerana aku bimbang jika terlalu banyak kes yang dikendalikannya akan membuatnya tersilap dan tidak wajar baginya membebankan dirinya sepanjang hari”.*

5. Tidak wajar bagi hakim tergesa-gesa meninggalkan majlis pengadilan kerana sebok dengan urusan-urusannya. Namun, jika ia didedahkan (terpaksa) menguruskan sesuatu, maka ia dibolehkan.
6. Hakim boleh duduk dalam majlis pengadilan secara bersila atau menongkat dagu, namun hakim hendaklah sentiasa tenang dan tegas (serious).
7. Janganlah hakim gelak ketawa dalam majlis pengadilannya dan dia boleh membiasakan dirinya dengan mengerutkan mukanya tanpa marah dan dilarang dia mengangkat suaranya.
8. Janganlah hakim menyebokkan dirinya dengan bercakap-cakap dalam majlis pengadilannya, jika ia bertujuan untuk orang ramai berkerumun di sekelilingnya.
9. Jangan hakim mengadili terlalu banyak kes sehingga membuatnya mengantuk dan bosan. Jika dia mendapati dirinya dalam keadaan sedemikian, maka mungkin berlaku sesuatu yang tidak diinginkan.
10. Hendaklah hakim menyediakan majlis yang berasingan antara lelaki dan perempuan jika kes yang dibicarakan itu dikhususkan kepada kedua-duanya.



## Penutup

Secara umumnya penghayatan seseorang terhadap suruhan (*al-awamir*), menjauhkan tegahan (*al-nawahi*) serta mengamalkan Adab-adab yang baik adalah bertujuan untuk mencapai tiga keredaan: Keredaan Allah S.W.T. (*Mardat Allah*), Keredaan Manusia (*Mardat al-Nas*) dan Keredaan Diri Sendiri (*Mardat al-Nafs*). Dalam konteks ini, seseorang Hakim Syarie – dengan kedudukan dan martabatnya yang tinggi - lebih-lebih lagi dikehendaki berusaha dengan sepenuh hati (*itqan*) untuk mencapai ketiga-tiga keredaan ini dengan mendahulukan keredaan Allah, kemudian diikuti oleh keredaan manusia (Ketua / orang ramai) dan akhirnya barulah keredaan diri sendiri. Justeru, segala suruhan Allah S.W.T. hendaklah dilaksanakan, segala tegahan hendaklah dijauhkan dan segala *Adab al-Qadi* hendaklah diamalkan.

Tambahan pula, penghayatan para hakim dengan suruhan dan adab-adab menjadi suatu tradisi dalam Islam kerana semakin tinggi martabat seseorang di sisi Allah S.W.T., maka semakin orang itu dikawal oleh pelbagai peraturan, adab dan nilai-nilai yang mungkin orang biasa tidak perlu mematuhi dan mengamalkannya. Kemungkinan banyak 'ikatan' yang dikenakan ke atas hakim, orang 'alim dan amir (pemerintah), sedangkan ia merupakan 'kelonggaran' dan 'perkara biasa' kepada orang lain kerana ia tidak bercanggah dengan syariat. Namun, dilihat dari segi penilaian Adab Islam perkara tersebut telah pun menjejaskan maruah, kehormatan dan kredibiliti seseorang hakim dan orang yang setara dengannya.

***Wallahua'lam.***



## Nota Hujung

<sup>1</sup> Dinukilkan oleh Muhammad ibn Khallaf ibn Hayyan (Waqi') dalam *Akhbar al-Qudat*, Beirut: 'Alam al-Kutub, t.th., juzuk 1, hlm. 247.

<sup>2</sup> 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali al-Sayyid al-Zin Abi al-Hasan al-Husyni al-Jarjani al-Hanafi, *Al-Ta'rifat*, Beirut: 'Alam al-Kutub, 1987, hlm. 36.

<sup>3</sup> Sa'di Abu Habib, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, Karachi: 'Idarat al-Qur'an li al-Nasyr wa al-Tawzi', 1977, hlm. 17.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Antaranya kitab, *Adab al-Qadi*, oleh Ibn al-Qas al-Tabari, '*Adab al-Qadi* oleh al-Mawardi, '*Adab al-Qada*', oleh Ibn Abi al-Damm dan '*Adab al-Qadi* oleh al-Khassaf.

<sup>6</sup> Abu Ishaq Burhan al-Din Ibrahim ibn Muhammad ibn 'Abdullah ibn Muhammad ibn Muflih al-Hanbali, *al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*, Beirut: al-Maktab al-Islami, 1980, juzuk X, hlm.29.

<sup>7</sup> Dinukilkan oleh Burhan al-din abi al-Qafa' Ibrahim ibn Shams al-Din Abi 'Abdullah Muhammad ibn Farhun al-Ya'mari al-Maliki dalam *Tabsirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah wa Manahij al-Ahkam*, al-Qaherah: al-Matba'ah al-'amirah al-Sharafiyyah, 1301H., juzuk I, hlm. 22 dan lihat juga 'Alau al-Din Abi al-Hasan 'Ali ibn Khalil al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukum fi Ma Yataraddadu Bayna al-Khasmyn min al-Ahkam*, al-Qaherah: al-Matba'ah al-Amiriyah, Bulaq, 1300H., hlm. 15.

<sup>8</sup> *al-Qur'an*, Surah al-Ahqaf : 20.

<sup>9</sup> Mengikut sejarahnya jawatan *Qadi al-Qudat* (dari segi penggunaan pakai istilah ini mungkin ianya boleh disamakan dengan "Ketua Hakim Negara" dalam hiraki sistem pentadbiran kehakiman masa kini, walau pun dari segi bidng tuigas dan bidangkuasanya agak berbeza) telah mula diperkenalkan oleh Khalifah 'Abbasiah Harun al-Rashid apabila beliau melantik Abu Yusuf ibn Ibrahim ibn Hubaib al-Ansari menjawat jawatan tersebut di Baghdad. Setelah Empayar 'Abbasiah itu semakin berkembng luas, maka ibunegara-ibunegera yang berada di bawah Empayar ini juga mempunyai *Qadi al-Qudat* yang tersendiri. Di Kaherah, jawatan ini diwujudkan pada zaman pemerintahan Fatimiah dan begitu juga pada zaman pemerintahan Ayyubiah. Memenadngkan kepada keperluan semasa, setiap mazhab terbesar mempunyai *Qadi al-Qudat* masing-masing di Kaherah dan Damshek. Sementara itu di Andalus (Spanyol), dan di Maghribi *Qadi al-Qudat* dikenali dengan panggilan *Qadi al-Jama'ah*. *Qadi al-Qudat* mempunyai dua bidangkuasa iiatu dari segi kehakiman dan pentadbiran. Dari segi kehakiman antara bidangkuasanya ialah melantik dan melucutkan para hakim dari jawatan mereka, membicarakan para menteri dan individu yang mengancam pemerintahan negara, mengurus pemeteraian kontrak *bay'ah* (keta'atsetiaan), perlucutan jawatan para khalifah, mengendalikan upacara pertunangan dan perkahwinan para khalifah dahn gabenor-gabenor. Kadangkala beliau juga menjalankan tugas *hisbah*, mengendalikan peradilan *al-Mazalim* dan mengeluarkan fatwa. Sementara dari segi pentadbirannya, beliau bertindak sebagai perantara antara orang ramai dengan khalifah dan para menteri, mengetuai rombongan haji, mengajar, berceramah dan berbincng secara ilmiah dalam perhimpunan-perhimpunan, menyelia kilang mengecap wang, mengawasi kota-kota dan kubu-kubu pertahanan, mengurus *Baitulmal* dan berjihad di jalan Allah – Lihat keterangan lanjut mengenai sejarah dan syarat-syarat perlantikan, tugas dan bidangkuasa *Qadi al-Qudat* dalam tulisan al-Duktur 'Isam Muhammad Shabaru *Qadi al-Qudat fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, cet. Ke II, 1992M.

<sup>10</sup> Muhammad ibn Khalakan, *Wafiyat al-A'ayan wa Anba' Abna' al-Zaman*, al-Qaherah: Matba'ah Bulaq, 1299H, juzuk II, hlm. 401.



- <sup>11</sup> Waqi', *Akhbar al-Qudat*, juzuk I, hlm. 247.
- <sup>12</sup> Dinukilkan oleh Waqi' pada nota kaki dalam *Akhbar al-Qudat*, juzuk I, hlm. 247.
- <sup>13</sup> *Ibid*, juzuk II, hlm. 14.
- <sup>14</sup> Muhammad ibn Harith al-Khushni, *Qudat Qurtubah wa 'Ulama' Ifriqiyyah*, al-Qaherah: Dar al-Kutub, 1373H, hlm. 94.
- <sup>15</sup> Ibn Tulun, *Qudat Dimishq*, Dimishq: al-Majma' al-'Ilmi, 1956, hlm. 283.
- <sup>16</sup> Abu Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Mawardi, *'Adab al-Qadi*, Baghdad: Ri'asah Diwan al-Awqaf, al-Jumhuriyyah al-'Iraqiyyah, 1971, juzuk II, hlm. 242-243.
- <sup>17</sup> Lihat Ibn Hajar al-'Asqalani, *Raf' al-'Isr 'an Qudat Misr*, al-Qaherah: al-Matba'ah al-Amiriyyah, 1957, juzuk I, hlm. 102; Ibn Tulun, *Qudat Dimishq* hlm. 283; Ibn Bashkawal, *al-Silah*, al-Qaherah: Dar al-Kutub, 1955, juzuk I, hlm. 303; dan al-Kindi, *al-Wulat wa al-Qudat*, Beirut: Matba'ah al-Yasu'iyyin, 1908, hlm. 602.
- <sup>18</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 22-23; dan al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukkam*, hlm. 26.
- <sup>19</sup> al-Imam Abu al-'Abbas Ahmad ibn Abi Ahmad al-Tabari (Ibn al-Qas), *'Adab al-Qadi*, al-Ta'if: Maktabah al-Sadiq li al-Nashr wa al-Tawzi', 1989, hlm. 110.
- <sup>20</sup> Abu Bakr Ahmad 'Ibn 'Umar al-Khassaf, *'Adab al-Qadi*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, hlm. 72; Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 22-23; dan al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukkam*, hlm. 16.
- <sup>21</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 23; dan Ibn Abi al-Damm, *Kitab 'Adab al-Qada'*, hlm. 114.
- <sup>22</sup> Ibn Abi al-Damm, *Kitab 'Adab al-Qada'*, hlm. 114; al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Walayah al-Diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1980, hlm. 96; Muwafiq al-Din Abi Muhammad 'Abdullah ibn Ahmad ibn Mahmud ibn Qudamah, *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th., juzuk XI, hlm. 436-437; al-Shaykh Nazzam wa Jama'at min Ulama' al-Hind al-'alam, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Beirut: Dar al-Sadir, 1991, juzuk III, hlm. 330.
- <sup>23</sup> Hadis ini disebut dalam *Akhbar al-Qudat*, oleh Waqi', juzuk I, hlm. 45.
- <sup>24</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 23.
- <sup>25</sup> Hadis ini disebut dalam *Akhbar al-Qudat*, oleh Waqi', juzuk I, hlm. 60.
- <sup>26</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 23; al-Mawardi, *'Adab al-Qadi*, juzuk I, hlm. 241-242; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzuk XI, hlm. 440; dan al-Shaykh Nazzam, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, juzuk III, hlm. 330-331.
- <sup>27</sup> al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukkam*, hlm. 16.
- <sup>28</sup> Muhammad ibn Ahmad Abi Bakr Shams al-A'immah al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifat li al-Tiba'ah wa al-Nashr, 1331H, juzuk XVI, hlm. 82.
- <sup>29</sup> Ibn Abi al-Damm, *Kitab 'Adab al-Qada'*, hlm. 114-115; al-Mawardi, *'Adab al-Qadi*, juzuk I, hlm. 242-243; Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 23-24; dan al-Khassaf, *'Adab al-Qadi*, hlm. 71.
- <sup>30</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 24.
- <sup>31</sup> al-Mawardi, *'Adab al-Qadi*, juzuk I, hlm. 245-246; dan Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzuk XI, hlm. 441.
- <sup>32</sup> Abu Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, al-Qaherah: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr, 1981, juzuk XVI, hlm. 124-125.
- <sup>33</sup> Ibn Abi al-Damm, *Kitab 'Adab al-Qada'*, hlm. 115.
- <sup>34</sup> *Ibid*, hlm. 113; dan Abu 'Abdullah ibn Idris al-Shafie, *al-Umm*, Beirut: Dar al-Fikr, 1980, juzuk VI, hlm. 201; Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 24; dan al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukkam*, hlm. 16.
- <sup>35</sup> al-Mazni, *Mukhtasar al-Mazni 'ala Hamish al-'Umm li al-Shafie*, juzuk V, hlm. 245.



- <sup>36</sup> Pandangan Dr. Mustafa al-Zuhayli dalam suntingannya terhadap *Kitab 'Adab al-Qadi*, oleh Ibn Abi al-Damm, hlm. 116.
- <sup>37</sup> Dinukilkan oleh Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 24.
- <sup>38</sup> *Ibid*, hlm. 24.
- <sup>39</sup> *Ibid*, hlm. 25 dan al-Tarabulsi, *Mu'in al-Hukkam*, hlm. 16.
- <sup>40</sup> Ibn Abi al-Damm, *Kitab 'Adab al-Qadi*, hlm. 109; dan Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 24.
- <sup>41</sup> Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, juzuk I, hlm. 25.
- <sup>42</sup> *Ibid*.
- <sup>43</sup> *Ibid*.
- <sup>44</sup> *Ibid*, hlm. 26.
- <sup>45</sup> *Ibid*.
- <sup>46</sup> *Ibid*.
- <sup>47</sup> *Ibid*.
- <sup>48</sup> Teks dengan versi-versi yang sedikit berbeza dan huraianya boleh dirujuk kepada penulisan-penulisan al-Imam 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz (Hisham al-Shahid), *Sharh Adab al-Qadi li al-Khassaf*, Makkah: Dar al-Baz, 1994, hlm. 26-29, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabbi al-'Alamin*, al-Qaherah: Dar al-Hadith, t.th., juzuk I, hlm. 71 -76 dan Abu 'Umar Ahmad ibn 'Umar ibn Salim Bazmul, *Risalah 'Umar ibn al-Khattab Ila Abi Musa al-'Ash'ari fi al-Qada' wa Adabih Riwayah wa Dirayah*, Makkah: al-Ri'asah al-'Ammah li Shu'un Masjid al-Haram, 1420H..
- <sup>49</sup> *Al-Qur'an*, Surah Yusuf : 26-27.
- <sup>50</sup> Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari bi Hashiyat al-Sindi*, Beirut; Dar al-Fikr, t.t., juzuk VI, hlm. 458 dan Muslim, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, juzuk XII, hlm. 27.
- <sup>51</sup> *Ibid*, hlm. 26-28.
- <sup>52</sup> Mengenai menjalankan pengadilan di dalam masjid fuqahak berbeza pendapat mengenainya. Imam al-Syafie dan fuqahak Mazhab Syafie melarangnya atas alasan ia menyukarkan orang ramai kerana ada di antara mereka yang berhaid, berjunub dan Ahl al-Dhimmah. Ditambah lagi dengan suara-suara lantang pihak-pihak bertikai akan mendatangkan kehinaan kepada masjid – Lihat huraianya dalam *Tabsirat al-Hukkam*, hlm. 27.

\*\*\*\*\*





indeks

Subject	Page
Pendahuluan.	
Penghayatan Adab al-Qadi Dan Hubungannya Dengan Profesion Kehakiman	
Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Dirinya	
Sifat-sifat Peribadi Hakim.	
Pakaian Rasmi Hakim.	
Kenderaan Yang Dinaiki	
Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Orang Ramai.	
Penghayatan Adab al-Qadi Dalam Hubungannya Dengan Pihak-pihak Bertikai.	
Penghayatan Adab al-Qadi Berkaitan Dengan Majlis Pengadilan Dan Tempat Tinggalnya.	
Penutup.	
Nota Hujung.	